

Hak Berbini Empat di dalam Islam

Rencana “Hak Berbini Empat dalam Islam” ialah buah pena al-Ustādh Aḥmad Zakī Ṣaliḥ seorang terpelajar Melayi yang sedang melanjutkan pelajarannya di Universiti Mesir (kuliyyah al-Ḥuqūq bijāma‘at al-Qaherah) dalam bahagian undang-undang.

Dalam suratnya kepada Qalam, Tuan Aḥmad Zakī Ṣaliḥ menulis” Bahasan ini panjang tetapi dipandang penting dan sesuai dengan dasar majalah tuan berjuang meletakkan Islam pada tempatnya yang sebenar, dan menentang segala bida‘ah yang telah dibawa oleh anti Islam dengan sengaja atau yang diambil oleh pemeluknya dengan tidak sengaja oleh ekrana jahilnya.....”

Atas pandangan Tuan Aḥmad Zakī yang ikhlas ini, Qalam hanya dapat mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih sambil berkata, jauhari juga yang mengenal manikam!

Langkahan Kaum Ibu Singapura

Di dalam keluaran akhbar harian al-Haram di Mesir bertarikh 9 September 1953 ada membawa suatu berita bunyinya: “Perempuan-perempuan Singapura mendesak supaya dihapuskan hak berbini banyak”. Katanya lagi bahawa Majlis Wanita Singapura telah mengadakan suatu kenyataan mengandungi suatu rang undang-undang yang menegah seorang lelaki beristeri lebih daripada seorang, dan memberi suatu hukuman berat ke atas siapa yang menyalahi undang-undang ini, iaitu seberat-beratnya tujuh tahun penjara dan denda. Rang undang-undang ini akan disyorkan kepada setengah anggota majlis mesyuarat undangan untuk dikemukakan ke dalam majlis itu dan disahkan,

Berita ini membayangkan kegiatan kaum ibu kita di dalam membela hak-hak yang diagak patut ditegaskan oleh mereka, dan menggambarkan suatu langkahan istimewa yang dijangka baik dan sesuai oleh mereka untuk aturan kehidupan rumahtangga kita yang telah disusun oleh Islam dan telah diakui oleh adat kita. Mereka harus dipuji di atas tindakan mereka berusaha mencari jalan untuk memperbaiki aturan kehidupan rumahtangga kita, jika sebenarnya jalan ini tetap menyampaikan kita kepada apa yang dicintai; bahkan mereka akan disokong kuat sekiranya gerakan mereka itu bersatu aliran dengan ajaran agama

dan adat, kerana soalan rumahtangga itu adalah soalan yang pertama bagi masyarakat. Baik buruk masyarakat adalah bergantung di atas baik buruk aturan rumahtangga.

Tindakan mendesak pihak yang berkuasa supaya ia mengiktibarkan keadaan berbini banyak itu sebagai suatu kesalahan jenayah yang mesti dijatuhkan hukuman penjara ke atas itu, adalah harus dipandang sebagai suatu langkahan yang berani dan ganjil di dalam masyarakat Islam. Tetapi yang sebenarnya bahawa langkahan kaum ibu kita itu tidak akan menarik perhatian kita, dan tidak akan menggerakkan kehairanan kita jikalau kita mengetahui hakikat masyarakat kita; bahkan kita akan sedar dan merasa terlebih dahulu bahawa langkahan ini lambat bangat akan lahir. Di dalam masyarakat kita didapati si lelaki berbini dua tiga menurut sekehendaknya dengan tidak meraikan batasan yang telah dibawa oleh Islam, menakala si perempuan tertarik kepada aliran demokrati Barat yang menyeru supaya perbezaan hak di antara lelaki dan perempuan itu dihapuskan hak di antara lelaki dan perempuan itu dihapuskan sama sekali, sementara itu pula kehidupan rumahtangga kita sedang menderita kekusutan sehingga tak dapat dipisahkan yang manakah hak masing-masing dan apakah kewajipan masing-masing oleh kerana ia digoncang oleh berbagai-bagai faktor yang berlawanan adat kolot, Islam cara Melayu, tamadun Barat, fahaman kebendaan, jahil murakab

dan lain-lain lagi semuanya mencengangkan kita, dan membiarkan masing-masing mengambil apa yang disukai olehnya, Maka sudah sepatutnyalah jika kaum ibu Singapura mengambil langkah ini untuk menentukan sikap kita terhadap kepada suatu soalan yang penting di dalam kehidupan rumahtangga kita, bahkan mereka boleh dikatakan telah lewat bangun dan hanya mengambil bahagian “pak turut” manakala dibandingkan dengan kaum ibu Mesir dan negeri-negeri Islam di Timur Tengah yang telah lama bekerja keras dan berhempas pulas berjuang untuk meningkat darjat kemajuan kaum sejenis mereka di Barat.

Harus kita tidak menentang langkah ini dan harus kita percaya bahawa kaum ibu kita berhak di dalam tuntutan mereka jikalau kita berpegang kepada fahaman bahawa kehidupan rumahtangga itu mesti berubah menurut peredaran masa. Sejarah kehidupan manusia telah membuktikan bahawa manusia pada permulaannya hanya memadai dengan seorang isteri sahaja sebagaimana Adam dengan Hawa, tetapi ketika manusia hidup secara fitrah Primitive maka didapati undang-undang Tuhan telah menjadikan perempuan itu sebagai tempayan air yang terdedah kepada tiap-tiap orang yang dahaga. Hal ini mengelirukan si perempuan yang tidak tahu kepada siapakah hendak disandar nasib anaknya, Oleh itu ia sendiri akan memilih dua tiga lelaki yang tertentu sebagai menjadi bapa-bapa kepada anak-anaknya buat sepanjang hidup. Maka di sini timbullah suatu adat yang dinamakan adat berlaki banyak *Polyandry*. Sehingga sekranag kesan-kesan adat ini masih lagi didapati di dalam setengah tempat di India tetapi tabiat manusia yang sentiasa cenderung kepada memiliki suatu benda dengan tidak disyiar oleh sesiapa pun telah menggerakkan si lelaki supaya menaruh seorang perempuan yang khas baginya seorang diri untuk mengandungi anak-anaknya yang tidak lagi disyarak akan kejatian nasib mereka daripadanya. Maka dengan ini terbitlah adat beristeri seorang *Monogamy* tetapi apabila didapati perempuan itu tak dapat memenuhi cita-citanya pada mengekalkan benih

keturunannya di dalam dunia ini oleh kerana mandul atau sakit maka ia terpaksa mencari perempuan yang lain. Di sini timbullah adat berbini banyak *Polygamy* yang mana mendapat sambutan yang baik daripada umat-umat dahulu kala yang sentiasa berlumba-lumba menunjukkan kegagahan mereka dengan jalan membanyakkan anggota masyarakat mereka. Menurut fahaman ini boleh dikatakan bahawa kaum ibu kita dengan langkah mereka sedang menyahut panggilan tabiat perusahaan; bahkan mereka tidak bersabar lagi menanti perubahan tabiat yang memang beransur-ansur dan tidak dirasai dengan pandangan kasar, maka lalu mereka mengambil langkah aktif mendesak pihak berkuasa supaya ia menggunakan kuatkuasa untuk menghapuskan adat berbini banyak ini dengan secepat-cepatnya. Tetapi jikalau langkah ini berjaya, maka bolehlah kita menjamin bahawa kaum ibu kita akan mamadai dengannya sebagai perusahaan yang akhir di dalam abad yang kedua puluh ini? Atau mereka akan meneruskan putaran roda perubahan untuk membawa kita pulang kepada *Polyandry*. Siapa tahu? Kaum ibu Paris telah mula melangkah kepada adat ini menurut fahaman sosial bari di bawah nama bersahab banyak tetapi belum lagi dirasmikan dengan jalan undang-undang.

Sama ada langkah ini berjaya atau kecewa, Islam tidak akan mengubah pandangannya terhadap kepada hak berbini banyak oleh kerana ia sebagai agama *international* mesti menetapkan suatu kaedah umum yang sesuai bagi tabiat segala bangsa hitam putih, Timur Barat, di dalam rimba Afrika atau di bandar New York dengan syarat tidak menurut hawa nafsu yang mempunyai had, dan tidak pula menutup jalannya sama sekali. Maka mustahak benar kita mengkaji bagaimana Islam mengatur hak berbini banyak itu, dan mengapa Islam masih mengharuskan dia. Setelah itu kita akan menoleh sepiantas lalu kepada gerakan ahli undang-undang Mesir di dalam soalan ini supaya dapat kita mengukur setakat manakah betulnya langkah kaum ibu Singapura itu.

Sejarah Adat Berbini Banyak

Adat berbini banyak ini bukanlah suatu adat yang hanya didapati di dalam masyarakat Islam, bahkan ia telah lama merebak di negeri Parsi dan bebal dengan tidak berhad bilangan perempuan, dan telah menjadi suatu kemegahan kepada orang-orang Athina (suatu bangsa gerila lama) dan suatu perkara yang memang diakui oleh bangsa Abrani lama. Kitan Tawrat penuh dengan cerita Nabi-nabi yang berkahwin lebih daripada seorang. Ada pun orang-orang Arab pada zaman Jahiliah maka bukan sahaja mereka memakai adat ini dengan seluas-luasnya, bahkan mereka telah mengadakan berbagai-bagai jalan yang mengharuskan perhubungan dengan perempuan, sebagaimana “*Zawāj al-Astabdā*” atau perkahwinan kerana niat, iaitu jika seorang itu berkehendakkan anaknya mendapat benih yang baik lagi gagah maka bolehlah ia menyuruh isterinya pergi kepada seorang kepala kabilah yang masyhur untuk mengandung daripadanya. “*Zawāj al-Astabdā*” perkahwinan buat sementara yang mana ditetapkan terlebih dahulu masa bercerai. “*Zawāj Dawāt al-Raiyyāt*” iaitu seorang perempuan akan membuka pintu rumahnya kepada dua tiga lelaki yang tertentu maka apabila ia mendapat anak ia akan memberi nasib siapa yang disukai olehnya atau nasib siapa yang hampir serupa dengan anaknya itu. (Lihat *kitab al-Surat fī al-Shara’ al-Islāmī* li al-Duqtūr ‘Umar Farūkh Şafhat 37).

Begitulah tawarikh umat dahulu kala penuh dengan adat berbini banyak kalau pun diagak bahawa orang-orang bangsa Mesir lama pada zaman keluarga yang ketiga dan keluarga yang keempat (tahun 2750-2980 sebelum Masihi) tidak mempunyai melainkan seorang isteri sahaja, Tetapi tawarikh keluarga yang kelima sehingga keluarga yang kesepuluh (2160 -2750 sebelum Masihi) ada menunjukkan bahawa mereka telah mengetahui adat berbini banyak sebagaimana yang dapat disaksikan daripada lukisan batu ketetapan yang menunjukkan seorang raja daripada keluarga yang keenam sedang dikelilingi oleh enam

isteri.) Lihat kita *Tarīkh al-Qānūn al-Khās*

li al-Duqtūr Shaḥāṭuh Şufahah 70) kononnya selepas itu pada tarikh kemudian orang-orang Mesir telah jarang ebristeri banyak, dan manakala orang-orang Greek lama datang ke Mesir pada zaman Iskandar mereka dapati orang-orang Mesir hanya beristeri seorang sahaja, maka lalu dituruti oleh mereka, dan dengan jalan merekalah adat beristeri seorang sahaja itu merebak ke Eropah. (Lihat kita *al-Maqār Nāt wa al-Maqābilāt baynu al-Sharā’i*, li al-Ustādh Muḥammad Şabrī Şufahat 370). Undang-undang Eropah telah mengiktiraf adat ini. Ahli-ahli agama Yahudi telah menegah seseorang itu beristeri banyak oleh kerana ditakuti ia tidak mampu menanggung nafkah bukanlah kerana agama mereka mengharam akan dia. Bapa-bapa gereja pula mengakui adat ini yang diredhai oleh agama Kristian sekalipun keempat-empat kitab-kitab Injil tidak ada menkhaskan hukum haram ke atasnya dengan jelasnya. Tetapi oleh kerana tiap-tiap perkara yang telah diambil oleh bapa-bapa gereja itu ada mempunyai kuatkuasa hukum-hukum yang dinaskan di dalam Injil maka Eropah telah terpaksa memegang adat beristeri satu itu buat selama lamanya.

Hak Berbini Banyak di dalam Islam

Di antara puak yang mengharuskan hak berbini banyak dengan seluas-luasnya dan puak yang manakah sama sekali zahirah Islam di tengah-tengah menghadkan bilangan perempuan yang harus ditaruh dengan syarat-syarat yang tertentu. Firman Tuhan (*fain khiftum allā tuqsiṭū fī al-yatāmī fānkaḥū māṭāb lakum min al-nisā’i mathnā wa thulātha warabā’ fain khiftum alla ta’dilū fawāḥidat awmā malakat aymānukum dhalika adanī alla ta’ulū*). Ayat itu mengharuskan seorang bersiteri empat dengan dua syarat yang tidak lagi diingkar oleh fuqaha kalau pun mereka berselisih tentang hukumnya. (1) Sanggup memberi keadilan di antara isteri-isterinya (2) mampu menanggung nafkah mereka. Syarat yang kedua ini diambil daripada ayat

(*dhalika adnī alla ta 'ūlū*). Imam al-Shafi'ī mentafsirkan perkataan (*alla ta 'ūlū*) dengan makna (*al-Takthir 'iyālakum*) iaitu supaya tidak banyak orang tanggungan kamu. Maksudnya bahawa seorang itu tak harus beristeri banyak jika perbuatan ini membanyakkan orang tanggungannya, sedang pintu rezekinya tak sanggup memenuhi hajatnya untuk menunaikan kewajibannya terhadap kepada mereka. Ada pun syarat keadilan itu telah dinaskan oleh ayat (*fain khiftum alla ta 'dilū fawāhidat*) sekiranya kamu takut kalau-kalau kamu tidak adil maka memadailah dengan seorang sahaja. Abū Bakr al-Rāwī telah mentafsir di dalam kitabnya "*Aḥkām al-Qur'an*" bahawa keadilan yang dimaksudkan daripada ayat ini ialah keadilan pada zahir tentang membahagi nasib masing-masing daripada nafkah zahir nafkah batin dan cara bermu'ashirat. Maka tidaklah wajib ia membahagi perasaan kasih sayang yang tersemat di dalam hatinya di antara isteri-isterinya sebagaimana ia membahagi wang nafkah. Kerana perkara itu mustahil. Sedang Rasulullah sendiri telah bersabda ketika ia membahagi di antara isteri-isterinya (*allahumma an hadhā qamsī fimā amliku falā tū'akhidh nī fimā la amliku*) wahai Tuhanku inilah pembahagian yang terdapat hamba lakukan di dalam perkara yang diselidiki olehku maka ampunkanlah hamba di dalam perkara yang tidak termilik olehku. Dengan tafsir ini dapatlah kita membeza di antara keadilan yang dituntut oleh ayat ini dan keadilan yang Tuhan menyatakan kelemahan kita pada melaksanakannya di dalam ayat (*walan tastaḥū an ta 'dilū bayna al-nisā' walaw ḥaraṣtum*) kamu tidak sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukan dia. Maka tidaklah menjadi kemusykilan lagi kepada setiausaha Majlis Wanita Singapura yang telah berkata (menurut berita al-Haram) "saya tak dapat memikirkan bahawa seorang itu boleh melakukan perkara ini-iaitu keadilan yang saksama di antara isteri-isterinya-. Kami orang-orang perempuan tidak percaya bahawa perkara ini boleh dibuktikan." Syarak hanya menuntut

keadilan zahir di dalam cara bermu'asharah

Mengapa Islam Mengharuskan Hak Berbini Banyak

Begitulah pandangan Islam terhadap kepada hak berbini banyak itu yang mana menunjukkan bahawa Islam telah meletakkan suatu kaedah umum yang lebih yang boleh disempitkan oleh mereka yang menentang hak ini dan diluaskan oleh mereka yang berhajat kepadanya dengan tidak melampaui had. Kita memang mengaku bahawa beristeri seorang itu adalah suatu adat yang amat baik yang menjauhkan kita daripada kehidupan yang kusut dengan bebanan dan perbalahan. Tetapi bukanlah semua manusia dapat menurut adat ini. Maka memadailah kita menjadikan adat ini sebagai tauladan baik yang sayogia dituruti oleh seseorang. Sementara itu kita mengharuskan bagi mereka yang tidak upaya menurut tauladan ini beristeri lebih dengan syarat-syarat yang tertentu. Kerana jika kita menutup pintu beristeri banyak itu sama sekali, tetap mereka akan mencari pintu yang lain yang mana akan dibuka oleh syaitan, maka di waktu itu masyarakat kita akan menderita kerosakkan akhlak dan menerima beberapa kanak-kanak yang tidak diketahui bapanya. Tindakan mengharuskan hak berbini banyak ini bukan sahaja memberi peluang kepada siapa yang terpaksa berbini banyak oleh tabiat jenisnya yang semula jadi, Bahkan ia juga menjadi suatu rahmat kepada perempuan mandul di waktu suaminya berkehendak anak untuk mewarisi hartanya atau sebagainya maka jika ditetapkan bahawa seorang itu mesti beristeri seorang sahaja, ia terpaksa memiulih salah satu daripada dua jalan; iaitu menceraikan isterinya yang mandul supaya ia dapat berkahwin dengan perempuan yang lain yang harus mengandung daripadanya. Atau mengecewakan cita-citanya jika ia hendak mengekalkan bahtera kehidupan mereka berdua, biasanya ia akan mengambil jalan yang pertama oleh kerana tabiat manusia memang cenderung kepada mengekalkan benihnya. Maka dnegan

(sambungan pada muka 29)

Oleh sebab itu sayogialah bagi kita yang sedang mencari bahagia itu hendaklah merapatkan perhubungan batin dengan Tuhan, hendaklah hidup menjadi hamba Tuhan yang patut dan supaya jiwa merasai aman dan sentosa, merasai riang dan gembira.

Sebelum hati bersih daripada sifat-sifat yang tercela, sebelum jiwa tunduk ke bawah peraturan Tuhan maka jauhlah bahagia itu dan akan rugilah mereka yang berjalan di luar garisan Tuhan itu.

Kita berharap akan dapat terlepas daripada bahaya tetapi kita tiada berjalan menurut peraturan-Nya, bahtera tidak akan dapat berjalan di atas darat. Oleh sebab itu marilah kita bersama-sama menurut jalan bahagia hakiki supaya jangan tertipu oleh bayang-bayang kesenangan dunia. Jangan tertipu oleh senyuman yang berbungkuskan keluhan. Sekianlah.

– Dari W.B.F. Islam, Selangor.

=====

Sambungan dari muka 15

perpecahan, perselisihan, pertentangan dan permusuhan; kerana yang demikian sesungguhnya adalah suatu kesalahan dan dosa yang sangat besar yang boleh merosakkan masyarakat dan boleh menutup pinttu kesejahteraan negara.

Oleh yang demikian Tuhan melarang pertentangan kepada hamba-Nya yang beriman serta mengancam mereka dengan akibat-akibat yang sangat buruk dan buah hasil yang dikutuk (berupa kekalahan).

Tuhan berfirman (maksud-Nya) “Janganlah kamu bermusuhan-musuhan kerana dengannya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu”.

Wahai orang-orang Islam! Sesungguhnya kejadian sehari-hari ini adalah suatu tamsil teladan dan merupakan pertunjuk-pertunjuk yang berguna. Orang-orang pandai dan bijaksana

dapat mengambil faedah daripadanya lebih banyak daripada mengambil faedah daripada nasihat orang-orang ahli pidato. Itulah kejadian-kejadian yang lewat setiap saat.

Sudahkah kita mengambil pertunjuk dan ibarat? Adakah kita sekarang sudah sembuh dan sedar daripada mabuk kita dan insaf bahawa kita akan tergelincir?

Kita sama-sama mengetahui bahawa kebahagiaan kita adalah bergantung kepada adanya tolong-menolong di antara kita dan persatuan kita, bersih dan suci hati kita, serta keikhlasan pihak yang satu kepada pihak yang lain. Atau ... kita akan tetap di dalam kesesatan yang lama, perpecahan, pertentangan, hasut-menghasut, berbuat pengaruh dan jatuh-menjatuhkan di antara pihak yang satu dengan pihak yang lain ... sedang agama kita adalah satu iaitu Islam, kitab kita satu ialah al-Quran, Nabi kita adalah satu ialah Nabi Muhammad (SAW). Demikian pula kita tergolong di dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Demi Allah, Keadaan Yang Demikian Ini Bencana Yang Nyata dan Bahaya Yang Besar!

Hai orang-orang Islam! Takutlah kepada Allah dan baliklah kepada kitab Tuhanmu. Bekerjalah mencontoh sunnah Nabimu dan ikutilah orang-orang soleh yang mendahului kamu sebagaimana mereka berjaya. Berdamailah di antara kamu atas dasar takut kepada Tuhan, tolong-menolong atas kebaikan dan taqwa dan janganlah tolong-menolong atas dosa dan permusuhan.

Moga-moga Tuhan meratakan rahmat dan kebaikan atasmu dan janganlah kamu seperti orang yang berkata “kami mendengar” tetapi sesungguhnya ia tidak “mendengar”.

[Diulas dalam rencana pengarang keluaran ini.]